



1. **Nama Program:** **DIPLOMA PENGURUSAN HALAL (N/345/4/1070)**
2. **Kredit Bergraduat:** 121 Kredit
3. **Bahasa Pengantar:**
 - a) Bahasa Malaysia
 - b) Bahasa Inggeris
 - c) Bahasa Arab
4. **Mod Pengajian:** Sepenuh Masa
5. **Kaedah Pengajaran:** Kuliah dan Tutorial
6. **Tempoh pengajian :**

Bil	Perkara	Tempoh
1	Bilangan Minggu Pengajian	14 Minggu
2	Bilangan Semester Pengajian	6 Semester
3	Bilangan Tahun Pengajian	3 Tahun

7. **Matlamat Program**

Diploma Pengurusan Halal ini diwujudkan bagi melahirkan graduan yang kompeten dalam bidang pengurusan halal serta berpengetahuan dalam pelaksanaan amalan tersebut di pelbagai industri yang berbeza di Malaysia. Para graduan dari bidang ini dapat melengkapsi kehendak pembangunan industri halal yang semakin pesat membangun sama ada dalam bidang pemakanan, pelancongan dan hospitaliti, farmaseutikal, kosmetik, perniagaan dan mana-mana bidang yang berkaitan dengan pengurusan halal.

8. **Objektif Pembelajaran Program (PEO)**

- I. Menyediakan tenaga kerja yang berkepakaran selaras dengan perkembangan pesat sektor Pengurusan Halal di Malaysia dan juga di peringkat global.
- II. Memberi pendedahan secara terperinci bagi memahami konsep dan prinsip pengurusan halal secara sistematik.
- III. Mempertingkatkan kefahaman ilmu, amalan serta sistem operasi Pengurusan Halal.
- IV. Menjadi pemangkin kepada penyebaran maklumat tentang kepentingan Pengurusan Halal kepada masyarakat.

9. **Hasil Pembelajaran Program (PLO)**

Di akhir program ini pelajar akan dapat :

- I. Mengetahui hal-hal yang berkaitan dengan Pengurusan Halal.
- II. Menunjukkan kepakaran dalam tatacara berkaitan dengan bidang Pengurusan Halal.
- III. Memberi penjelasan tentang Pengurusan Halal kepada masyarakat.
- IV. Mengenal pasti, memformulasi dan memberikan penyelesaian yang kreatif, inovatif dan efektif dalam masalah Pengurusan Halal.
- V. Mampu bekerja secara individu dan berkumpulan dalam sistem operasi Pengurusan Halal.
- VI. Menangani isu-isu semasa yang berkaitan dengan industri halal secara berkesan.
- VII. Mengurus maklumat berkaitan industri halal untuk pembangunan profesional berterusan.
- VIII. Memupuk kemahiran keusahawanan dan pengurusan berkaitan industri halal.





10. Prospek Kerjaya:

- I. Penolong Pegawai Tadbir Agama / Majlis Agama Islam Negeri.
- II. Pegawai Pensijilan Halal.
- III. Pegawai Penguatkuasa Sijil Halal
- IV. Pegawai RND dalam Produk Halal di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau mana-mana agensi yang terlibat.
- V. Penolong Eksekutif Halal di mana-mana syarikat/firma/organisasi.
- VI. Berpeluang menyambung pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah.

11. Struktur Program:

BIL	NAMA KURSUS
1.	Asas Sains Teknologi Makanan
2.	Undang-undang Perniagaan
3.	Qawaid Fiqh
4.	Bahasa Arab
5.	Foundation English
6.	Aqidah Islamiyyah
7.	Ko Kurikulum
8.	Pengurusan Sumber Manusia
9.	Usul Al-Fiqh
10.	ICT
11.	Pengantar Pengurusan Islam
12.	Halal Audit
13.	Amalan Kebersihan, Penyembelihan dan Pengurusan Loji
14.	Fiqh Kontemporari
15.	English For Industry
16.	GMP dan Standard HACCP
17.	Sistem Jaminan Halal
18.	Syariah Islamiah
19.	Dakwah Islamiah
20.	Al-Quran (Hafazan & Tajwid)
21.	Ekonomi Islam
22.	Perbandingan Agama
23.	Siasah Syar'iyah
24.	Hak Asasi Manusia
25.	Malaysia Standard Halal
26.	Undang-Undang Kawalan Halal
27.	Projek Penyelidikan
28.	Prinsip Ekonomi
29.	Prinsip Pengurusan Perniagaan
30.	Latihan Industri





12. Syarat Kemasukan

- I. Lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang setara dengan mendapat tiga kredit dan lulus Matematik;

ATAU
- II. Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/ Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) atau kelayakan yang setara

ATAU
- III. Lulus Sijil Pengajian Islam dan lulus Matematik (SPM)

ATAU
- IV. Kelayakan lain yang diiktiraf setara dengannya oleh Kerajaan Malaysia

